

19 JUN 2003

Umno-Pantun

RAFIDAH BERPANTUN HARGAI JASA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz menepati budaya masyarakat Melayu apabila menggunakan pantun untuk menggambarkan jasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pantun sebanyak 12 rangkap itu dibaca di akhir ucapan beliau semasa membahaskan usul terima kasih di atas Ucapan Dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Pantun-pantun berkenaan berbunyi;

Jun 2002 sentiasa diingati  
Tersemat kuat di dalam perasaan  
Hilang semangat ahli-ahli parti  
Presiden Umno mengumumkan persaraan

Tangisan teresak sedih dan sayu  
Melaung kami tanpa segan silu  
Setelah dipujuk serta dirayu  
Barulah hasrat ditangguhkan dulu

Presiden parti berkarisma dan bijak  
Tidak pandai berpura-pura  
Jasa Dr Mahathir begitu banyak  
Kepada agama, bangsa dan negara

Dari New York hingga ke Beijing  
Menyuarakan lantang pendirian negara  
Kami menumpang kegemilangan pemimpin  
Cemerlang pemimpin dihormatilah Malaysia

Memberi ilham meningkatkan semangat  
Pesanan diberi berulang-ulang  
Dr Mahathir juara rakyat  
Mendorong kecemerlangan di pelbagai bidang

Negara maju menjadi kita  
Wawasan 2020 haluan kita  
Dr M perihatin terhadap wanita  
Sumbangan mereka dihargai sentiasa

Mesyuarat ini lain dari yang lain  
Begitu ramai ahli parti yang hadir  
Putrajaya warisan pemimpin  
Lambang wawasan Dr Mahathir

Pengganti kepada Putera Johor  
Menyumbang tenaga penuh kerelaan  
Berkat sentuhan Presiden Umno  
Kita mengecap nikmat kemerdekaan

Kawalan hormat telah diperiksa  
Dengan megah dinaikkan bendera

Kita digesa sayangkan bangsa  
Cintakan Umno serta negara

Pemimpin bersara kepimpinan bertukar  
Jasa dikenang ke akhir hayat  
Wanita Umno berjanji dan berikrar  
Sentiasa bersatu, bersedia berkhidmat

Ke benua Antartika pemimpin mengembara  
Malaysia Boleh menjadi pegangan  
Sungguhpun Presiden akan bersara  
Jauh di mata di hati jangan

Usul disokong sepenuh hati  
Oleh wanita, ketuanya sendiri  
Pucuk pimpinan silih berganti  
Umno, InsyaAllah kekal abadi

-- BERNAMA  
NM KHY NOZ